

PM 'hilang sabar' MyDigital ID, rangkaian 5G kedua lewat

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim kecewa dan marah dengan kelewatan pelaksanaan dua projek transformasi digital negara iaitu MyDigital ID dan rangkaian 5G kedua.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu dibangkitkan beliau pada Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara yang berlangsung semalam.

“Hal rumit yang berbangkit dalam mesyuarat itu menyebabkan saya kurang sabar. Dalam tempoh dua tahun ini saya melahirkan rasa kemarahan yang agak keras sedikit.

Bersambung di muka 3

PM 'hilang sabar' MyDigital ID, rangkaian 5G kedua lewat

Dari muka 1

"Ini kerana, kadang-kadang harapan kita tinggi tetapi apabila MyDigital ID itu terlambat pelaksanaannya hampir setahun. Malah, inisiatif Rangkaian 5G Kedua dan rundingan Digital Nasional Bhd. (DNB) dengan telco juga tertangguh.

"Peringatan kita satu tahun yang lalu juga belum dijawab secara positif oleh kedua-dua pihak. Ini menyebabkan saya agak hilang kesabaran," katanya pada majlis perhimpunan warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, sikap marah itu menunjukkan bahawa beliau juga ada kekurangan seperti orang biasa.

Namun, beliau memohon maaf kepada mereka yang hadir dalam mesyuarat semalam termasuk rakan-rakan menteri.

"Teman-teman menteri yang hadir semalam juga agak terkejut dengan sikap saya. Saya mohon maaf setulusnya," katanya.



ANWAR Ibrahim ketika berucap pada perhimpunan warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Difahamkan, setakat ini MyDigital ID mencatatkan lebih 1.2 juta pengguna berdaftar dalam tempoh satu tahun.

Inisiatif itu diumumkan Anwar pada November ta-

hun lalu sebelum MyDigital ID diiktiraf di peringkat nasional sebagai bentuk penguurusan pengenalan digital yang dipercayai.

Ia menyediakan pengesa-

han yang selamat untuk transaksi dalam talian dan menangan kelemahan yang terdapat dalam sistem pengesahan identiti secara dalam talian sedia ada.